



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**16 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

<b>AKHBAR</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Berita Harian</b>	
- Peniaga marah ADUN gagal tunai janji	13
<b>Sinar Harian</b>	
- Tingkat kesedaran kitar semula	40
- Pemilik rumah, JMB perlu bekerjasama	40
<b>The Star</b>	
- A fun fair to unite the neighbours	05
<b>Chinapress</b>	
- Rizab pasar untuk kegunaan komersil	C3



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>16 OKTOBER 2017 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Peniaga marah ADUN gagal tunai janji
Muka Surat	13

**BH** Isnin, 16 Oktober 2017 Ms.13

→ **HALAMAN KOTA**

(FOTO MAHZIR MAT ISA/BH)

**Chee Keen bersama peniaga, membantah** pembinaan kompleks perniagaan di atas tapak pasar pagi di Taman Muda.

(FOTO YAZIT RAZALI/BH)

## Peniaga marah ADUN gagal tunai janji

➔ Tapak pasar pagi akan dibina kompleks perniagaan

**Oleh Azzman Abdul Jamal**  
azzman@bh.com.my

➔ Ampang

Lebih 500 peniaga pasar pagi di Taman Muda, di sini me-luahkan rasa kecewa apabila janji untuk membina sebuah kawasan tapak perniagaan baharu untuk mereka tidak ditunaikan.

Sebaliknya, janji itu diubah kepada pembinaan sebuah kompleks perniagaan yang langsung tidak memberi sebarang manfaat kepada peniaga di situ.

Pengerusi Persatuan Peniaga dan Peniaga Kecil Taman Muda, Chow Chee Keen, mendakwa penyediaan sebuah kawasan khas untuk peniaga pasar pagi di situ mula dijanjikan kepada mereka oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teratit, Tiew Way Keng, sejak 2008.

Katanya, namun sehingga kini, janji wakil DAP itu tidak ditunaikan dan ratusan peniaga di kawasan itu berasa kecewa selepas mendapat tahu lokasi yang sepatutnya disediakan kepada mereka, bertukar menjadi projek pembina-

nan kompleks perniagaan lain.

Pada 2008, ADUN (Way Keng) mengadakan perjumpaan dengan kami dan beliau janjikan tanah itu akan menjadi milik kami (peniaga).

"Beliau bertahu tanah itu akan dijadikan sebuah tapak perniagaan khas untuk peniaga pasar pagi di sini supaya tidak lagi perlu berniaga di tepi jalan," katanya ketika ditemui pemberita, di sini, semalam.

**Mohon pasar lebih selesa**

Chee Keen berkata, peniaga pasar pagi itu bertapak di kawasan terbabit lebih 30 tahun lalu dan mereka memohon supaya pasar baharu yang lebih selesa dibina untuk peniaga dan juga pengunjung.

"Selama ini, kita hanya berniaga di tepi jalan. Sampai bila kita nak menumpang dan berrniaga dengan cara ini?"

"Pasar pagi ini beroperasi setiap hari bermula jam 5 pagi hingga 12 tengah hari. Ia turut menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan ini, sekali gus menyukarkan pengunjung untuk singgah," katanya.

Beliau berkata, sejak mendapat

**Pembinaan sebuah kompleks perniagaan di Taman Muda Ampang.**

Apa yang kami minta tidak ada kaitan dengan politik. Ini adalah janji wakil rakyat kepada kami, kononnya akan bantu memberi keselesaan kepada peniaga di sini"

**Chow Chee Keen,**  
Pengerusi Persatuan Peniaga dan Peniaga Kecil Taman Muda

tahu berkenaan projek pembinaan terbabit baru-baru ini, pihaknya sudah tawar hati terhadap wakil rakyat berkenaan.

"Apa yang kami minta tidak ada kaitan dengan politik. Ini adalah janji wakil rakyat kepada kami, kononnya akan bantu memberi keselesaan kepada peniaga di sini.

"Kebanyakan peniaga di sini tidak berpendidikan tinggi, jadi kami hanya percaya dengan kata-kata beliau. Selepas mendapat tahu berkenaan pembinaan kompleks terbabit, kami patah hati dan rasa seolah-olah ditipu," katanya.

Pada masa sama, Chee Keen mengakui tidak mengetahui perkembangan projek yang terletak berhampiran tapak pasar pagi di situ dan akan terus membuat bantahan sehingga kehendak mereka ditunai.

**Nafi dakwaan peniaga**

Sementara itu, Way Keng ketika dihubungi BH semalam, menafikan dakwaan peniaga terbabit dan menyatakan tanah berkenaan adalah milik persendirian.

Katanya, beliau akan mengulas mengenai perkara itu dalam satu sidang media yang akan diadakan hari ini.

"Selama ini, tanah itu adalah tanah persendirian. Bagaimana saya boleh beri janji untuk tanah orang lain?"

"Saya hanya akan jawab mengenai perkara ini esok dalam sidang media. Ini adalah sidang media yang ketiga diadakan berhubung isu berkenaan dan saya berharap semua media akan hadir," katanya.

Sementara itu, salinan permohonan projek pembinaan yang di-edarkan kepada pemberita menyatakan cadangan membina sebuah kompleks perniagaan satu tingkat dan akan merangkumi gimnasium, pameran alat sukan, butik kasut dan sukan, medan selera, pusat hiburan keluarga serta surau.

Sebelum ini, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) memaklumkan, setakat ini pihak berkuasa tempatan tidak menerima sebarang bantahan terhadap projek terbabit daripada mana-mana pihak.

Hasil semakan MPAJ turut mendapati tanah terbabit adalah tanah hak milik sementara dan tiada tanah rizab untuk pasar di kawasan berkenaan.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>16 OKTOBER 2017 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tingkat kesedaran kitar semula
Muka Surat	40

## Tingkat kesedaran kitar semula

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sentiasa mempergiatkan usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan Kempen Kitar Semula Bersama Komuniti.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, kempen ini bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan 3R iaitu kurangkan (*reduce*), guna semula (*reuse*) dan kitar semula (*recycle*).

"Kita mahu menerapkan amalan 3R terhadap sisa pepejal seterusnya membudayakan amalan tersebut secara mampan demi generasi akan datang," katanya.

Tambahnya, MPAJ turut melaksanakan program ini di tiga Dun iaitu, Chempaka, Bukit Antarabangsa dan Hulu Kelang.

"Kita juga mahu meningkatkan penglibatan semua pihak khususnya dalam kalangan penduduk di taman perumahan, industri, premis perniagaan, tempat ibadah dan NGO," katanya.

Katanya, kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti dalam menggerakkan aktiviti dan kempen berkaitan program ini dapat merealisasikan Pelan Tindakan Ampang Jaya



Abd Hamid melawat reruai Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Rumah Pangsa AU2 Taman Keramat, selepas merasmikan program Kempen Kitar Semula bersama Komuniti Dun Chempaka, Hulu Kelang dan Bukit Antarabangsa.

Bandar Rendah Karbon 2030.

"Kita menyasarkan penurunan karbon sebanyak 30 peratus menjelang 2030," katanya.

Abd Hamid berkata, MPAJ melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal telah melaksanakan kempen pengasingan sisa daripada punca di setiap komuniti.

"Kita telah meletakkan 10 sangkar kitar semula pada Disember 2016 di beberapa lokasi. Kita berjaya kutip barangan kitar semula sebanyak 8,457 kilogram pada Julai lalu," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>16 OKTOBER 2017 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pemilik rumah, JMB perlu bekerjasama
Muka Surat	40

ISNIN 16 OKTOBER 2017 • SINAR HARIAN

HUBUNGI SKUAD AMPANG 7 HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003,

## Pemilik rumah, JMB perlu bekerjasama

**PANDAN MEWAH** – Pemilik rumah serta badan pengurusan bersama (JMB) Flat Pandan Mewah disarankan bekerjasama dalam usaha menangani banjir warga asing di kawasan kediaman mereka.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Pandan, Abd Haffidz Md Noor berkata, JMB harus mengenal pasti pemilik rumah yang menyewakan rumah mereka kepada warga asing.

“Pemilik rumah harus dimaklumkan atau bagi nasihat selain menguatkuasakan undang-undang sedia ada kerana sebahagian warga asing ini dipercayai mengganggu kesejahteraan awam penduduk setempat dan pelbagai masalah timbul,” katanya.

Jika pemilik rumah enggan bekerjasama dalam hal menangani masalah ini, pihak JMB mungkin boleh memikirkan kadar penyelenggaraan lebih tinggi kepada mereka terlibat menyewakan rumah mereka kepada pendatang asing.

Jelasnya, KRT juga akan melakukan rondaan bersepadu dengan agensi berkaitan termasuk penglibatan persatuan



**ABD HAFIDZ**

penduduk dan JMB.

“Saya cadangkan agar pusat kawalan sementara diwujudkan dalam tempoh tertentu untuk pantau situasi dan tindakan selanjutnya. KRT sedia menawarkan kabin Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang baru untuk pihak berkenaan lakukan pengawasan,” katanya.

Tambahnya, agensi terlibat harus mengemaskinikan tindakan penguatkuasaan terutama melibatkan individu memiliki kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR).

“Agensi berkenaan perlu siasat sama ada kad tersebut tulen atau sebaliknya. Pihak penguat kuasa agensi berkenaan perlu ada hubungan dari masa ke semasa dengan organisasi setempat bagi memudahkan tindakan yang akan diambil ke atas individu tersebut,” katanya.

Sebelum ini, Adun Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad menyatakan pihaknya telah menerima aduan berkaitan banjir warga asing di kawasan itu.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>16 OKTOBER 2017 (ISNIN)</b>	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	A fun fair to unite the neighbours
Muka Surat	05

STARMETRO, MONDAY 16 OCTOBER 2017

Events 5

By **SHALINI RAVINDRAN**  
 shaliniravindran@thestar.com.my

ONE Ampang neighbourhood is hoping to break stereotypes with community fun. The Taman Sri Ukay Hillview Residents Association (RA) hosted their first large-scale Neighbourhood Fair 2017 in the heart of the residential area in October.

Association president Datuk Siti Hendon Chik said it was a chance for the RA to give back to the community.

"Although we interact with our committee members, we hardly meet our other neighbours.

"Over the years we have even had new residents move in to the area whom we have not had a chance to meet," she said.

It turned out to be a great idea as some 500 residents from Taman Hillview, Taman Sri Ukay and Hamstead Rise joined in the fun.

The air rang out with laughter and camaraderie as neighbours mingled with each other during the half-day event.

Even a brief downpour failed to put a damper on the activities.

The highlights of the fair included a terrarium workshop, carnival games, tele-match games and a handicraft bazaar.

There was even free popcorn and face painting throughout the day.

The idea for the fair was mooted by resident Dion Sharil Isham, 45, who said the area had undergone major changes over the past several years.

"We are trying to organise more events like this where people can come together and meet their friends and neighbours," he said, adding he had lived there for more than 30 years.

The association was officially established in 2008. Its main objective is to resolve issues like safety and traffic congestion in the area.

They also engage with government agencies like the police and Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) to have better communication and ties.

Siti Hendon said the area often got a bad reputation because of its association to the Highland Towers tragedy some 24 years ago, but they hoped to reverse that stigma.

"The two abandoned Highland Towers blocks have become hideouts for robbers and drug addicts.

"But, since the perimeter was boarded up and we enhanced our security features, including hiring guards and installing CCTV cameras, the situation is much better.

"Hopefully, we will soon be able to afford patrolling guards instead of only stationary ones," she added.

## Residents in Action

# A fun fair to unite the neighbours

Taman Sri Ukay Hillview Residents Association's initiative also draws people from three nearby areas



Siti Hendon (left) motivating her committee members during a tug-of-war match at the fair.



(Left) The food trucks were a hit among residents at the neighbourhood fair.





**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAGHAIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
 PANDAN INDAH, SELANGOR,  
 55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>16 OKTOBER 2017 (ISNIN)</b>	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	Rizab pasar untuk kegunaan komersil
Muka Surat	C3

2017年10月16日 星期一
中国报 C3

大城事

地點：太子園LOT PT15215空地



## 巴刹保留地作商業用途 販商拉橫幅 簽名捍衛

(安邦15日讯) 安邦太子園販商聯合商業公會即日起發動聯署簽名活動，并呼吁班丹區居民小販踴躍支持，一同捍衛太子園巴刹保留地。

太子園編號為LOT PT15215的空地，一直被視為巴刹保留地空曠，却有人在該處動工興建家庭式卡拉OK和運動場所，引發當地巴刹小販不安。召開記者會，張菲倩已多次澄清上述地段一直屬私人地段。

安邦太子園販商聯合商業公會主席周志堅今再度率領眾理事，前往上述地段展開抗議及聯署簽名活動，眾人高舉橫幅，指責張菲倩出爾反爾。

周志堅也否認張菲倩指責公會對先前上述工程無異議之說。

**指出關反關**

他說，7月率領公會理事和張菲倩開會時，已明確表明希望上述地段能繼續充做泊車場，方便太子園居民。

“8月，听闻上述地段即將用作商業用途，便于同月28日相約張菲倩聚餐詢問詳情，她當時還非常篤定的說只要有她在的一天，上述地段就永遠是巴刹保留地，小販們無需擔心生計問題。”

他說，惟最后上述工程至今如火如荼的進行。

他說，近3天內會完成收集太子園巴刹小販及居民的簽名后，會呈交至雪州政府。

“我們仍會不間斷的在班丹各處如班丹柏蘭峯、班丹再也及成功花園等，若再不獲受理，不排除會把活動拓展至半山芭及安邦等地方。”

他說，不排除最后会把事情帶上反貪局。

### 王世海：捍衛權益無關政治

安邦太子園販商聯合商業公會重申，他們只要捍衛自己的權益，不應被扣上政治色彩。

公會秘書王世海指出，自从上次馬班丹區會主席拿督梁國偉協助他們召開記者會后，很多人為公會灑上政治色彩。

他強調，該會从头到尾只想捍衛自己的權益，立場中立，並沒有參與任何政治斗争。

太子園巴刹小販們擔心巴刹保留地被奪去后，日後生計恐不保。

周志堅說，太子園巴刹小販于80年代初駕駛摩哆到處做生意，于90年代初才獲得政府批准的營業執照在太子園大馬路擺檔做生意。

“隨著巴刹的生意越来越好，巴刹從過去只有100多名的小販，至今已有近500名小販擺檔。”

### 500小販擔心生計不保

他說，小販們曾多次被有關當局以阻街為藉口刁難，小販們為保生計，只好自己掏錢出來美化巴刹。

“但我們仍當心有朝一日營業執照不保，500名小販生計將不保。”

四季兒童傳統文化負責人吳文成指出，巴刹是華人的傳統文化，他們將協助太子園巴刹小販捍衛保留地。

他說，把巴刹保留地用以興建娛樂場所，除了導致附近的房價貶值，還會引入很多閑人等，影響當地的環境。

“我們將協助小販公會搜集更多的簽名及支持他們的抗議活動，捍衛我們應有的權益。”

**張菲倩今開記者會回應**

張菲倩接受《中国报》電訪時指出，將于周一（16日）早上11時在太子園一帶召開記者會，詳細回應各方代表就“巴刹保留地”一事對她作出的指控。

她說，屆時也會邀請安邦太子園販商聯合商業公會的代表出席，現暫不就上述事件作出回應。



圖：周志堅再度出席地方政府的土地規劃大會，力促巴刹保留地存在已久。



參與聯署簽名活動，一同捍衛巴刹保留地。小販公會將橫幅高掛在空地前，呼吁當地居民積極